

11/10/1998

Tindakan bekas ahli sebar fitnah dibidas

KUALA LUMPUR: Setiausaha Agung Umno, Datuk Sabbaruddin Chik, membidas sikap segelintir bekas anggota Umno yang menyebarkan fitnah memburuk-burukkan kerajaan di luar negara selepas dikenakan tindakan disiplin oleh Majlis Tertinggi (MT).

Pada masa yang sama, beliau turut meminta masyarakat dunia supaya berfikiran terbuka dan jangan terlalu terpengaruh fitnah yang disebarkan dengan hasrat mencemarkan imej dan kepemimpinan Umno serta negara.

"Dakwaan yang dibuat jelas tidak berasas, tanpa usul periksa dan tidak perlu bagi Umno memberi sebarang penjelasan kerana sebaran fitnah seumpama ini adalah amalan yang menyongsang daripada lunas undang-undang.

"Tetapi alasan yang sewajarnya harus diberi mengenai perbuatan terbabit jika mereka kembali ke sini dan perlu sanggup menghadapi hukuman yang setimpal jika didapati bersalah mengikut undang-undang negara serta parti.

"Sama ada mereka ini pengkhianat negara, terpulang kepada andaian peribadi setiap individu," katanya selepas melancarkan acara 'Pencarian Harta Karun' anjuran Peter Stuyvesant Travel Services Sdn Bhd di sini, hari ini.

Berdasarkan kenyataan akhbar dan maklumat yang disebarkan melalui Internet, beberapa bekas pemimpin Umno didapati menghentam kerajaan dan kepemimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, menggunakan bahasa tidak sopan.

Mereka yang dikenal pasti termasuk bekas Penolong Setiausaha Pemuda Umno, Saifuddin Nasution Ismail, yang dikatakan berada di Bangkok dan bekas Ketua Pemuda Umno Pulau Pinang, Dr Abdul Rahim Ghouse yang kini di Manila.

(END)